

BAB 5: PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

5.1 LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN TEMPATAN DI SARAWAK

1. Padankan maklumat berkaitan dengan sistem pentadbiran tempatan di Sarawak dan Sabah

a. Tugas pemimpin ialah menjadi orang tengah	sebagai Peran Lepo
b. Tuai Rumah menjalankan tugas sebagai	membantu Orang Tua dalam pengurusan adat dan kehidupan seharian
c. Ketua masyarakat Kenyah dikenal	pelindung adat dan kepentingan anak buah
d. Ketua kaum Kadazandusun, Murut dan Bajau ialah	di daerah Marudu antara tahun 1830 - 1840
e. Tugas Majlis Kampung di Sabah ialah	sumber autoriti masyarakat
f. Matta'o di Sabah bertugas sebagai	menyelesaikan pertelingkahan dalam kalangan penduduk
g. Kawasan pedalaman Sarawak ditadbir oleh	Orang Kaya (O.K.) seperti O.K. Beti di Padeh
h. Syarif Osman di Sabah berkuasa	Orang Tua (Ketua Kampung)

2. Apakah persamaan sistem pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah?

- | | |
|----------------------|-----------------------|
| A. Sistem kerajaan | C. Sistem kesukuan |
| B. Sistem wakil raja | D. Sistem ketua bebas |

3. Apakah persamaan peranan jawatan kedua-dua tokoh Sabah berikut?

Syarif Osman

Datu Kerunding

- | | |
|----------------|------------------|
| A. Ketua Suku | C. Ketua Kampung |
| B. Ketua Bebas | D. Ketua Daerah |